

KEBERKESANAN JAWATANKUASA AUDIT DAN FUNGSI AUDIT DALAMAN TERHADAP KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO ENTERPRISE

Rohaida Ismail *, Norman Mohd-Saleh, Rubayah Yakob

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

rohaidaismail06@gmail.com *

ABSTRAK

Pengurusan Risiko Enterprise (ERM) dilihat menjadi satu inisiatif baharu oleh lembaga pengarah syarikat untuk mengurus risiko dalam menghadapi persekitaran ekonomi dunia yang semakin mencabar. Hal ini kerana, ianya memberikan kesan kepada keberterusan dan kelestarian sesebuah syarikat. Pemantauan yang berkesan oleh jawatankuasa audit dan fungsi audit dalaman terhadap ERM akan memberikan jaminan mengenai keberkesanan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko yang dihadapi oleh syarikat. Namun usaha untuk meneliti sejauh mana keberkesanan jawatankuasa audit dan fungsi audit dalaman dalam menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan ERM masih terlalu sedikit. Justeru, artikel ini akan membincangkan mengenai hubungan keberkesanan pemantauan oleh jawatankuasa audit dan fungsi audit dalaman dengan keberkesanan pengurusan risiko.

Kata kunci : *Pengurusan Risiko Enterprise, ERM, jawatankuasa audit, fungsi audit dalaman, tadbir urus korporat.*

1. PENGENALAN

Pada masa kini, pengurusan risiko telah menjadi salah satu kriteria dalam amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua organisasi. Krisis kewangan global baru-baru ini turut mendedahkan bahawa kelemahan pengurusan risiko di institusi kewangan utama adalah berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah, dan fungsi pengurusan risiko (OECD 2014). Sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga, kegagalan firma-firma besar untuk terus berdaya saing, kes-kes penipuan berprofil tinggi dan skandal kewangan yang berlaku sering dikaitkan dengan kelemahan dalam mengurus risiko. Ini kerana kejayaan sesebuah firma itu adalah bergantung dengan strategi dan pengurusan tadbir urus korporat yang berkesan. Oleh yang demikian, hal ini telah menyedarkan pelbagai pihak terutamanya pihak berkepentingan tentang perlunya proses pemantauan melalui tadbir urus korporat, sistem kawalan dalaman yang mantap dan pengurusan risiko yang berkesan.

Pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan merupakan aspek penting dalam tadbir urus, pengurusan dan operasi syarikat. Fokus pengurusan risiko adalah untuk mengenal pasti ancaman dan peluang manakala kawalan dalaman membantu dalam menangani ancaman dan memanfaatkan peluang yang ada. Tanggungjawab ke atas sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman ini terletak di bawah tanggungjawab lembaga pengarah. Lembaga pengarah hendaklah menetapkan dasar kawalan

dalamannya yang bersesuaian dan mendapatkan kepastian bahawa sistem tersebut berfungsi dengan berkesan serta memastikan bahawa sistem kawalan dalaman tersebut mampu menguruskan risiko dengan berkesan. Pengurusan risiko tradisional sebelum ini hanya lebih tertumpu mengenai pengurusan risiko kewangan namun kini fungsi pengurusan risiko telah berubah. Pengurusan risiko enterprise (ERM) telah menjadi satu inisiatif baharu oleh lembaga pengarah dalam memantau langkah-langkah pengurusan risiko. ERM dihubungkan dengan strategi perniagaan organisasi, merangkumi visi, misi dan objektif; proses untuk menentukan imperatif operasi; falsafah, dasar, pelan dan inisiatif bagi pertumbuhan dan pembangunan organisasi. Dengan adanya pengurusan risiko yang berkesan, ianya dapat membantu syarikat dalam membuat keputusan mengenai tahap risiko yang sanggup ditanggung oleh firma dan melaksanakan kawalan dalaman yang diperlukan untuk mencapai objektif dengan berkesan.

Selain itu, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017) yang baharu juga telah diperkemas kini dengan menetapkan bahawa prinsip utama tadbir urus seperti pengurusan yang berkesan, budaya korporat yang berasaskan tingkah laku beretika dan ketelusan boleh mengurangkan risiko, rasuah dan salah urus. Kod baharu itu juga turut menekankan bahawa jawatankuasa audit yang berkesan memainkan peranan utama dalam struktur tadbir urus korporat sesebuah syarikat. Walaupun tanggungjawab terhadap proses pelaporan kewangan sesebuah syarikat terletak sepenuhnya ke atas lembaga pengarah, namun dengan kehadiran jawatankuasa audit yang berkesan akan menghasilkan ketelusan, serta berupaya mencabar dan menyoal periksa proses pelaporan kewangan syarikat, kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus. Selain itu juga, jawatankuasa audit hendaklah memastikan bahawa fungsi audit dalaman berkesan dan mampu berfungsi secara bebas kerana audit dalaman adalah sebahagian daripada syarikat dan tadbir urus. Audit dalaman berperanan penting dalam memantau tiga bidang utama iaitu kawalan dalaman, tadbir urus dan pengurusan risiko. Dalam pengurusan risiko, peranan fungsi audit dalaman ini adalah sebagai agen dalam pemantauan prestasi, dan pada masa yang sama menilai keberkesanan sistem pengurusan risiko tersebut (Thompson 2013).

Hal ini menunjukkan peranan jawatankuasa audit dan audit dalaman dengan proses pengurusan risiko menjadi semakin penting. Ini kerana, jawatankuasa audit dan fungsi audit dalaman merupakan pemberi jaminan dan perunding kepada keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko dan merupakan pihak-pihak yang terlibat secara aktif dalam aspek pengurusan risiko syarikat (De Zwaan, Stewart & Subramaniam 2011). Melihat kepada peranan jawatankuasa audit dan fungsi audit dalaman serta kepentingan pengurusan risiko syarikat yang semakin meningkat pada masa kini serta bukti penyelidikan yang terhad dalam bidang ini, ia telah mendorong kajian ini dijalankan. Ini kerana jawatankuasa audit dan fungsi audit dalaman memainkan peranan utama dalam memantau dan menyelia aktiviti pengauditan yang merupakan komponen utama dalam memastikan keberkesanan pengurusan risiko. Oleh yang demikian, wujud keperluan kepada kajian untuk memberikan bukti empirikal tentang keberkesanan jawatankuasa audit dan fungsi audit dalaman dengan keberkesanan pengurusan risiko. Kajian ini juga adalah bertindak balas kepada panggilan untuk penyelidikan lebih lanjut dalam bidang ERM (Beasley 2010).

Seterusnya, susunan kertas kajian ini akan membincangkan mengenai sorotan literatur dan hipotesis kajian di bahagian 2. Metodologi kajian akan dibincangkan di bahagian 3, diikuti dengan hasil kajian di bahagian 4 dan perbincangan di bahagian 5.

2. SOROTAN LITERATUR DAN HIPOTESIS

2.1 *Pengurusan risiko enterprise (ERM)*

Pengurusan risiko adalah satu bahagian penting dalam amalan tadbir urus yang baik. MCCG 2017 turut menggabungkan pengurusan risiko sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik. Permintaan terhadap pengurusan risiko seperti risiko operasi, risiko reputasi dan risiko strategik semakin mendapat perhatian. Pengurusan risiko tradisional sebelum ini hanya lebih tertumpu mengenai pengurusan risiko kewangan. Kini fungsi pengurusan risiko telah berubah. Pengurusan risiko enterprise (ERM) telah menjadi satu inisiatif baharu oleh lembaga pengarah. *Committee for Sponsoring Organizations of the Trade way Commission* (COSO) melalui Pengurusan Risiko Rangka Kerja Bersepadu 2004 telah menakrifkan Pengurusan Risiko Enterprise (ERM) sebagai:

“Suatu proses yang dilaksanakan oleh lembaga pengarah, pengurusan dan kakitangan lain, digunakan dalam suasana strategi dan seluruh perusahaan yang direka untuk mengenal pasti acara yang mungkin memberi kesan kepada firma, dan menguruskan risiko agar berada dalam kapasiti risiko firma, untuk memberikan jaminan yang munasabah mengenai pencapaian objektif firma.” (COSO, 2004, p.2).

ERM adalah pendekatan yang lebih maju dan canggih untuk pengurusan risiko yang muncul dalam tahun 1990-an (Simkins, & Ramirez 2008). Rangka kerja ERM ini telah dikeluarkan pada September 2004 dan mewujudkan satu standard baharu bagi pengurusan risiko yang menyeluruh. Rangka kerja ini dibentuk dengan mewujudkan konsep utama, prinsip dan teknik yang dicadangkan bagi syarikat untuk mengawal aktiviti-aktiviti firma agar lebih baik dan bergerak ke arah pencapaian objektif penubuhannya (COSO 2004a). Selain itu juga, kejayaan amalan ERM ini telah dibuktikan dalam beberapa kajian lepas. Organisasi yang mengamalkan pengurusan risiko ini didapati mampu mengenal pasti dan menilai agregat risiko yang wujud di sekeliling aktiviti dan persekitaran perniagaannya (Hoyt, & Liebenberg 2011). Di dalam kajian tersebut, ia telah menemukan bahawa maklumat tentang kewujudan pengurusan risiko memudahkan organisasi mengurus risiko yang dihadapi dan mengagihkan sumber dengan cekap bagi meningkatkan pulangan ke atas ekuiti dan pencapaian objektif syarikat. Malahan kajian tersebut juga telah membuktikan bahawa terdapat kesan yang positif hasil dari pengurusan risiko terhadap prestasi kewangan syarikat insurans di Amerika Syarikat yang melaksanakan pengurusan risiko berbanding dengan prestasi syarikat yang tidak melaksanakan pengurusan risiko.

Bagi kebanyakan tempat di Asia, ERM masih merupakan satu konsep yang baharu (Norlida Abdul Manab, Isahak Kassim & Mohd Rasid Hussin. 2010). Di Malaysia, sebahagian besar daripada kajian-kajian lepas hanya mengkaji pelaksanaan ERM secara umum. Sebagai contoh kajian oleh Lai, & Fazilah A.Samad (2011) menjelaskan bagaimana pelaksanaan ERM memberi kesan kepada prestasi organisasi. Hasil kajian mengemukakan hubungan antara risiko organisasi pengurusan, prestasi perniagaan, dan kos modal. Yazid, Hussin & Daud (2011) dalam kajiannya, telah mengkaji tahap penggunaan ERM kalangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di Malaysia; memeriksa sama ada jawatan Ketua Pegawai Risiko (CRO) dan kualiti lembaga pengarah mempengaruhi tahap penggunaan ERM dalam kalangan syarikat-syarikat di Malaysia. Ketua Pegawai Risiko (CRO) yang dilantik oleh lembaga pengarah syarikat bertanggungjawab untuk mengintegrasikan pengurusan risiko syarikat dan menguruskan “semua aspek risiko” (Beasley, Clune & Hermanson 2005; Kleffner 2003; Liebenberg, & Hoyt 2003). Keputusan kajian mendapati, walaupun ERM masih baharu di Malaysia namun kebanyakan syarikat GLC ini telah melantik CRO. Kualiti lembaga pengarah juga boleh dianggap

sebagai satu lagi faktor yang mempengaruhi tahap pelaksanaan ERM dikalangan GLC di Malaysia. Bukti daripada kajian-kajian lepas ini dijangka membantu firma untuk menerima pakai amalan terbaik pengurusan risiko ini kerana ia akan dapat menambah baik dalam membuat keputusan, memberi peningkatan nilai pemegang saham dan mencapai amalan perniagaan yang baik.

2.2 *Jawatankuasa Audit*

Jawatankuasa audit adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh lembaga pengarah syarikat. Jawatankuasa ini memikul tanggungjawab penting iaitu mewakili lembaga pengarah dalam hal mengawasi kebertanggungjawaban korporat, terutamanya yang berhubung dengan bidang pelaporan kewangan, pengauditan dan tadbirurus korporat secara keseluruhan serta menyelia proses laporan kewangan (DeZoort et al. 2002). Objektif penubuhan jawatankuasa ini hanya akan berjaya sekiranya jawatankuasa audit itu berfungsi dengan berkesan. Selain itu juga, tahap pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan komitmen ahli jawatankuasa yang bersesuaian merupakan unsur-unsur penting dalam memastikan jawatankuasa audit mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Pemahaman yang kukuh mengenai proses pelaporan kewangan yang dilengkapi dengan kepelbagaian perspektif juga dijangka boleh mengukuhkan kualiti perbincangan jawatankuasa audit (MCCG 2017).

Kajian-kajian lepas juga telah bersetuju bahawa jawatankuasa audit memainkan peranan penting dalam tadbir urus korporat, terutamanya dalam meningkatkan keberkesanan lembaga pengarah dalam pengurusan pemantauan (Klein, 2002; Smith Report, 2003; Spira, 2003). Dalam konteks ini, jawatankuasa audit dilihat boleh meningkatkan peranan lembaga pengurusan pemantauan (Peasnell et al., 2005) dan seterusnya boleh menjaga kepentingan pengurusan dengan para pemegang saham dan ianya sekali gus mengurangkan jurang asimetri maklumat antara pihak pengurusan dan pihak-pihak berkepentingan (Mangena & Pike, 2005; Rainsbury, Bradbury, & Cahan, 2008). Memandangkan tanggungjawab lembaga pengarah adalah mewakili kepentingan pemegang saham, lembaga pengarah perlu memainkan peranan penting dalam mengawasi pendekatan pihak pengurusan kepada pelaksanaan ERM. Tanpa pengawasan daripada ahli lembaga pengarah, ERM tidak boleh diterima oleh pihak pengurusan dan kemungkinan tahap pengurusan risiko itu tidak berkesan dan hal ini boleh menjejaskan kepentingan para pemegang saham (Beasley 2010). Satu kajian di Malaysia oleh Yatim (2009) telah menguji hubungan di antara ciri-ciri jawatankuasa audit dan penubuhan jawatankuasa pengurusan risiko. Hasil kajian itu mendapati bahawa ciri-ciri jawatankuasa audit iaitu saiz jawatankuasa audit, kebebasan ahli jawatankuasa dan aktiviti jawatankuasa audit mempunyai hubungan yang kuat dalam menentukan penubuhan jawatankuasa pengurusan risiko dalam kalangan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia.

Jelas di sini menunjukkan peranan jawatankuasa audit dan keberkesanan jawatankuasa audit ini sangat penting dalam memastikan kualiti pelaporan kewangan dan tahunan syarikat (Sultana, Singh & Van der Zahn 2015). Kajian-kajian lepas telah menguji keberkesanan jawatankuasa audit dengan melihat hubungannya kepada prestasi syarikat, kewujudan jawatankuasa risiko, dan ketepatan masa pelaporan. Namun, tiada lagi penemuan kajian empirikal mengenai keberkesanan jawatankuasa audit dengan melihat kepada hubungannya dengan keberkesanan ERM. Majoriti kebanyakan kajian-kajian lepas mengkaji mengenai ciri-ciri jawatankuasa audit. Oleh yang demikian, kajian ini terpanggil untuk

mengkaji keberkesanan jawatankuasa audit ini dari aspek pemantauannya terhadap ERM. Oleh itu, hipotesis pertama bagi kajian ini ialah;

H1 : Terdapat hubungan yang positif antara keberkesanan jawatankuasa audit dengan keberkesanan ERM.

2.3 *Audit Dalaman*

Audit dalaman adalah sebahagian daripada syarikat dan tadbir urus. Perbadanan Institut Audit Dalaman mendefinisikan audit dalaman sebagai ;

“suatu aktiviti penilaian bebas dan memberikan jaminan objektif yang bertujuan untuk menambah nilai dan memperbaiki operasi organisasi. Ia membantu organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus”.

Terdapat beberapa kajian lepas telah mengkaji ciri-ciri fungsi audit dalaman ini dengan menguji keberkesanannya (Arena, & Azzone 2009; Paape, Scheffe & Snoep 2003). Zain, Subramaniam & Stewart (2006) mengkaji sumbangan fungsi audit dalaman terhadap kualiti laporan kewangan dengan penilaian Ketua Eksekutif Audit (CAE). Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang positif antara sumber yang ada pada fungsi audit dalaman, termasuk saiz dan tahap kepakaran fungsi audit dalaman dengan kualiti laporan kewangan. Selain itu juga, terdapat kajian yang menyiasat sama ada aturan audit dalaman (iaitu sama ada menggunakan sumber dalaman atau penyumberan luar) mempengaruhi kelewatan laporan audit (Wan-Hussin, & Bamahros 2013). Beberapa kajian juga telah dijalankan untuk menilai keberkesanan elemen pemantauan dalam meningkatkan prestasi syarikat. Kajian oleh Prawitt, Smith & Wood (2009) telah mengkaji sejauh mana audit dalaman sebagai agen pemantauan mampu membendung amalan pengurusan perolehan. Kajian tersebut meneliti ciri-ciri audit dalaman seperti kompetensi dan kebebasan yang dijangka mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan amalan pengurusan perolehan. Ciri-ciri tersebut digunakan untuk memeriksa kualiti audit dalaman. Penemuan kajian tersebut mendapati semakin tinggi kualiti audit dalaman, kadar amalan pengurusan perolehan dalam organisasi semakin menurun. Hal ini menyebabkan proses pemantauan yang dilaksanakan oleh fungsi audit dalaman semakin diiktiraf sebagai suatu peranan yang penting dalam proses tadbir urus korporat.

Namun pada masa kini, audit dalaman telah memperluaskan fungsinya dari hanya terlibat dalam bidang perakaunan tradisional dan kawalan kewangan, kepada aktiviti kawalan operasi, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat. Tanggungjawab sebagai agen pemantau pengurusan risiko juga telah digalas oleh audit dalaman. Berdasarkan Rangka Kerja COSO, ia telah mengarahkan juruaudit dalaman untuk membantu pihak pengurusan dan lembaga pengarah atau jawatankuasa audit dengan memeriksa, menilai, melapor dan membuat cadangan untuk memastikan kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko syarikat (COSO 2004b).

Fungsi audit dalaman dijangka dapat membantu syarikat mencapai matlamatnya dengan membawa pendekatan objektif dan disiplin untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus. Hal ini juga telah diperkemas dalam MCGG 2017 di bawah Prinsip B. Ini kerana fungsi audit dalaman juga merupakan sumber nasihat yang penting bagi jawatankuasa audit untuk mengenal pasti kelemahan atau kekurangan dalam proses dalaman justeru, memudahkan langkah-langkah pemulihan yang perlu dijalankan oleh syarikat. Jesteru itu, juruaudit

dalam juga digesa mengambil peluang untuk menyumbang kepada pencapaian objektif korporat melalui penglibatannya dalam pengurusan risiko. Ini memerlukan fungsi audit dalaman untuk memahami dengan lebih baik mengenai penilaian risiko utama perniagaan yang berupaya membina nilai pemegang saham organisasi. Dengan pemahaman tersebut, fungsi audit dalaman dapat menilai maklum balas dan mampu menentukan tindak balas mengenai pengurusan risiko yang mencukupi atau yang berkaitan.

Di Malaysia, bermula pada tahun 2007 semua syarikat tersenarai perlu menubuhkan fungsi audit dalaman. Di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia, syarikat-syarikat yang tersenarai perlu mendedahkan maklumat sama ada aturan audit dalaman dilakukan menggunakan sumber dalaman atau penyumberan luar, serta mendedahkan maklumat mengenai kos yang ditanggung untuk audit dalaman tersebut. Satu kajian di Malaysia yang dijalankan oleh Wan Nordin Wan-Hussin, & Hasan Mohammed Bamahros (2013) telah menyiasat sama ada pelaburan dan aturan fungsi audit dalaman (iaitu sama ada menggunakan sumber dalaman atau luar) mempunyai apa-apa kaitan dengan kelewatan audit. Ianya merupakan kajian pertama yang menggunakan data sekunder bagi pengukuran fungsi audit dalaman. Hasil kajian tersebut, melaporkan bahawa terdapat hubungan negatif yang kuat antara kos yang ditanggung untuk fungsi audit dalaman dan kelewatan audit. Walau bagaimanapun, tiada beza yang ketara berkenaan kelewatan laporan audit antara syarikat yang mempunyai aturan fungsi audit dalaman menggunakan sumber dalaman atau penyumberan luar. Pelaburan yang dibelanjakan untuk fungsi audit dalaman biasanya terdiri daripada tenaga kerja, latihan, kos penyumberan luar kepada pembekal perkhidmatan dan perjalanan (Penyata Fungsi Audit Dalaman, Bursa Malaysia, Panduan Tadbir Urus Korporat, 2009). Sumber kewangan kepada fungsi audit dalaman adalah penting bagi membolehkan fungsi audit dalaman menyediakan pemantauan dan bantuan yang berkesan untuk jawatankuasa audit. Prawitt et al. (2009) dalam kajiannya berhujah bahawa fungsi audit dalaman yang dibiayai dengan nilai yang tinggi seharusnya mempunyai keupayaan pemantauan yang lebih besar untuk mengesan dan menghalang salah nyata. Ini kerana sumber yang lebih besar membolehkan fungsi audit dalaman untuk mengambil dan mengekalkan kakitangan yang lebih cekap.

Hal ini menunjukkan bahawa fungsi audit dalaman ini memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dan keberkesanan pengurusan risiko sesebuah syarikat. Penemuan kajian lalu yang dibincangkan, menunjukkan hasil yang pelbagai tentang pengaruh peranan fungsi audit dalaman terhadap pelaksanaan pengurusan risiko. Namun, belum terdapat kajian empirikal yang melihat hubungan fungsi audit dalaman dengan keberkesanan pelaksanaan ERM. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk melengkapkan penyelidikan terlebih dahulu, dengan menguji keberkesanan fungsi audit dalaman sebagai pemantau dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan ERM. Maka hipotesis yang kedua kajian ini ialah;

H2(a): Aturan audit dalaman samaada secara sumber dalaman atau penyumberan luaran mempunyai hubungan yang positif dengan keberkesanan ERM.

H2(b) : Kos pelaburan bagi aturan audit dalaman samaada secara sumber dalaman atau penyumberan luaran mempunyai hubungan yang positif dengan keberkesanan ERM.

3. METODOLOGI KAJIAN

3.1 *Sampel Kajian*

Data dalam kajian ini terdiri daripada maklumat umum yang sebahagian besarnya diperolehi daripada laporan tahunan syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Proses pemilihan sampel tidak termasuk syarikat-syarikat berkaitan kewangan kerana syarikat ini mempunyai keperluan yang berbeza dengan ketara, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berkenaan dengan laporan kewangan (Rochmah Ika, & Mohd Ghazali 2012). Kesemua laporan tahunan ini dimuat turun daripada laman sesawang Bursa Kuala Lumpur. Semua data kewangan dan data bukan kewangan akan dikutip secara manual dari laporan tahunan syarikat dan melalui pangkalan data *Datastream* oleh Thomson Reuters. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada syarikat-syarikat tahun pemerhatian meliputi tempoh empat (4) tahun iaitu 2012 hingga 2015. Pemilihan sampel merangkumi laporan tahunan yang telah diaudit bagi tahun 2012 yang dianggap sebagai isu terkini laporan tahunan dan maklumat terkini yang diperolehi pada masa kajian ini dimulakan. Selain daripada itu, tempoh 2012 hingga 2015 adalah mengambil kira pelaksanaan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2012), yang berkuat kuasa bermula pada 31 Disember 2012.

3.2 *Model Kajian*

Matlamat kajian ini adalah bagi menjawab persoalan hubungan keberkesanan jawatankuasa audit, pelaburan dan aturan audit dalaman samaada menggunakan sumber dalaman atau penyumberan luar dengan keberkesanan ERM. Cadangan model empirik berbentuk panel yang dianalisis dalam kajian ini diperturunkan dalam bentuk berikut untuk menguji hubungan antara keberkesanan jawatankuasa audit, aturan fungsi audit dalaman dengan keberkesanan ERM.

$$ERM = \beta_0 + \beta_1 IKJA + \beta_2 ATURAN_AUD + \beta_3 LNP_AUD + \varepsilon_{it}$$

Dimana, IKJA ialah indeks keberkesanan jawatankuasa audit, manakala ATURAN_AUD ialah aturan fungsi audit dalaman samaada menggunakan sumber dalaman atau penyumberan luar dan, LNP_AUD ialah log asli kos pelaburan fungsi audit dalaman.

3.3 *Pengoperasian Pembolehubah*

Keberkesanan ERM

Pengoperasian pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah keberkesanan ERM. Bagi mengukur keberkesanan pengurusan risiko enterprise (ERM), kajian ini menggunakan pengukuran indeks yang dibangunkan oleh (Gordon, Loeb & Tseng 2009). Secara umumnya tiada sebarang indeks yang khusus untuk mengukur konsep ERM. Indeks yang dibangunkan oleh Gordon et al. (2009) adalah berasaskan daripada empat objektif pengurusan risiko perusahaan oleh COSO. Dalam erti kata lain, indeks keberkesanan ERM organisasi ini dibangunkan berdasarkan keupayaan sesebuah organisasi untuk mencapai objektifnya yang berkaitan dengan strategi, operasi, laporan, dan pematuhannya. Kajian ini menggunakan dua objektif utama iaitu strategi dan operasi. Objektif ini dipilih kerana ingin memeriksa bagaimana keberkesanan strategi dan operasi sesebuah firma itu dalam menguruskan risiko.

Dua objektif ini digabungkan ke dalam satu metrik. Dua petunjuk digunakan untuk mengukur pencapaian setiap objektif. Indeks ini kemudiannya dibina dengan menjumlahkan empat petunjuk untuk dua objektif yang dipilih. Definisi dan data-data yang berkaitan bagi setiap indikator akan diterangkan seperti di bawah.

$$ERM = \sum_{k=1}^2 Strategi^k + \sum_{k=1}^2 Operasi^k$$

i) *Strategi*

Strategi merujuk kepada kedudukan firma di pasaran berbanding dengan pesaing. Ini kerana apabila sesebuah firma melaksanakan strateginya, firma akan cuba untuk membangunkan kelebihan daya saing berbanding peserta dalam industri yang sama (Porter, 2008). Hal ini kerana kelebihan daya saing adalah amat perlu bagi menurunkan risiko kegagalan firma dan dengan itu ia akan membantu meningkatkan prestasi dan nilai firma itu. Semua firma dalam industri yang sama bersaing untuk peluang jualan dalam pasaran yang sama. Oleh itu, lebih banyak jualan oleh firma *i* berbanding dengan industri jualan purata bermakna firma *i* mengatasi purata jualan pesaing. Oleh itu satu ukuran sama ada firma yang mempunyai strategi yang berjaya ialah bilangan piawai sisihan jualan daripada jualan industri seperti yang berikut.

$$Strategi_i = \frac{Jualan_i - \mu_{jualan}}{\sigma_{jualan}}$$

$Jualan_i$ = jualan sesebuah firma bagi tahun 20xx, μ_{jualan} = purata jualan industri pada tahun 20xx, dan σ_{jualan} = sisihan piawaian jualan bagi semua firma dalam indstri yang sama.

Pengukuran kedua sama ada firma yang mempunyai strategi yang berjaya terutamanya dalam konteks ERM adalah, keupayaan firma untuk mengurangkan risiko sistematik. Matlamat utama pelaksanaan ERM ialah untuk mengurangkan risiko dengan cara menguruskan risiko dari semua sumber (Hoyt, & Liebenberg 2011; Nocco, & Stulz 2006). Oleh itu, strategi pengurusan risiko yang sistematik adalah penting untuk amalan ERM. Rasional di sebalik tanggapan ini adalah bahawa risiko sistematik (iaitu, *beta*) dari model pasaran menerangkan risiko bukan pelbagai sesebuah firma, dan strategi kepelbagaian yang lebih berjaya boleh mengurangkan risiko ini (Thompson, 1984). Oleh itu, pengukuran kedua ialah mengenai kejayaan strategik syarikat dalam pengurangan *beta* berbanding dengan syarikat-syarikat lain dalam industri yang sama.

$$Strategi_2 = \frac{\Delta\beta_i - \mu_{\Delta\beta}}{\sigma_{\Delta\beta}}$$

Di mana, $\Delta\beta_i = (\beta \text{ pada } 20xx - \beta_i \text{ pada } 20x1)$, β_i = nilai *beta* firma_i, $\mu_{\Delta\beta}$ = purata $\Delta\beta$ dalam industri pada 20xx, dan $\sigma_{\Delta\beta}$ = sisihan piawaian $\Delta\beta$ semua firma dalam industri yang sama.

ii) Operasi

Operasi (iaitu, kecekapan operasi atau produktiviti) boleh diukur melalui hubungan output input dalam proses operasi sesebuah firma (Banker et al., 1989). Apabila output yang dikeluarkan melebihi tahap input yang diberikan, bermakna firma tersebut mempunyai tahap kecekapan operasi yang lebih baik. Kecekapan operasi yang lebih tinggi dapat mengurangkan keseluruhan risiko kegagalan firma, dan ia juga dapat meningkatkan prestasi dan nilai firma tersebut.

Pengukuran untuk mengukur kecekapan operasi, perolehan aset yang ditakrifkan sebagai jualan dibahagikan dengan jumlah aset. Kaedah pengukuran adalah seperti berikut:

$$Operasi_1 = (Jualan)/(Jumlah Aset)$$

Satu lagi ukuran nisbah operasi adalah nisbah input-output daripada operasi adalah dengan membahagikan jualan dengan kos operasi. Ukuran ini adalah seperti berikut:

$$Operasi_2 = (Jualan)/(Kos Operasi)$$

Keberkesanan Jawatankuasa Audit

Pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini terdiri daripada keberkesanan jawatankuasa audit, keberkesanan fungsi audit dalaman Pemboleh ubah tidak bersandar yang pertama adalah keberkesanan jawatankuasa audit yang diukur dengan jumlah skor indeks keberkesanan jawatankuasa audit (IJKA). IJKA terdiri daripada lima keperluan yang diambil daripada keperluan penyenaian oleh Bursa Malaysia dan kod amalan terbaik tadbir urus korporat Malaysia dan ada di antaranya adalah berdasarkan kajian-kajian lepas. Jika syarikat yang mematuhi keperluan tertentu, ia akan diberikan skor '1', dan '0' jika sebaliknya. Oleh itu, jumlah skor maksimum yang mungkin bagi setiap syarikat adalah '5'. Ia adalah dianggap bahawa skor yang lebih tinggi menunjukkan jawatankuasa audit adalah lebih berkesan.

Jadual 3.1 Komponen indeks keberkesanan jawatankuasa audit (IKJA)

Kod	Proksi	Skor	Kajian lepas
SAIZ_JA	Saiz jawatankuasa audit Jawatankuasa audit mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya adalah tiga orang ahli. Saiz jawatankuasa audit yang melebihi tiga orang ahli akan mendapat skor 1	1; 0	(Bliss, Muniandy & Majid 2007; Lin, Li & Yang 2006; Naimi Mohamad-Nor, Shafie & Wan-Hussin 2010; Yang, & Krishnan 2005)
(BEBAS_JA)	Kebebasan ahli jawatankuasa audit Majoriti ahli jawatankuasa audit adalah pengarah bebas bukan eksekutif	1; 0	(Abbott et al. 2004; Abbott, & Parker 2000; Bedard, Chtourou & Courteau 2004; Mohamad Naimi Mohammad-Nor et al. 2010)
(PAKAR_JA)	Kepakaran jawatankuasa audit Sekurang-kurangnya seorang ahli jawatankuasa audit yang mempunyai latar belakang pendidikan dan pengalaman dalam bidang perakaunan pengurusan kewangan	1; 0	(Abernathy et al. 2014; Naimi Mohamad-Nor et al. 2010)
(MESY_JA)	Mesyuarat jawatankuasa audit Jawatankuasa audit hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun Jawatankuasa audit yang bermesyuarat melebihi empat kali setahun akan mendapat skor 1	1; 0	(Abbott et al. 2004; Mohamad Naimi Mohammad-Nor et al. 2010)
(PENGERUSI_JA)	Kepakaran pengerusi jawatankuasa audit Adakah pengerusi jawatankuasa audit mempunyai latar belakang pendidikan dan pengalaman dalam bidang perakaunan pengurusan kewangan	1;0	(Abernathy et al. 2014)

Keberkesanan fungsi audit dalaman

Seterusnya, pengukuran dalaman aturan fungsi audit dalaman. Kepentingan utama dalam bahagian ini adalah jumlah pelaburan dalam audit dalaman dan aturan penyumberan audit dalaman. Kajian ini menggunakan pengukuran yang digunakan dalam kajian oleh Wan Nordin Wan-Hussin, & Hasan Mohammed Bamahros (2013). Untuk mengukur pelaburan, adalah log asli daripada kos ditanggung untuk pelaburan audit dalaman (LNP_AD). Manakala bagi aturan penyumberan audit dalaman (ATURAN_AD), pembolehubah dummy digunakan dengan dikod dengan nilai '1' untuk aturan audit dalaman menggunakan sumber dalaman, manakala dikodkan nilai '0' jika aturan audit dalaman penyumberan luar.

4. HASIL KAJIAN***4.1 Deskriptif Statistik*****5. PERBINCANGAN**

Kajian ini menguji hubungan keberkesanan jawatankuasa audit, audit dalaman dengan keberkesanan ERM.

6. RUJUKAN

- Abbott, L. J. & Parker, S. 2000. Auditor selection and audit committee characteristics. *Auditing*, 19, 46–66. doi:10.2308/aud.2000.19.2.47
- Abbott, L. J., Parker, S. & Peters, G. F. 2004. Audit committee characteristics and restatements. *Auditing*, 23, 69–87. doi:10.2308/aud.2004.23.1.69
- Abernathy, J. L., Beyer, B., Masli, A. & Stefaniak, C. 2014. The association between characteristics of audit committee accounting experts, audit committee chairs, and financial reporting timeliness. *Advances in Accounting*, 30(2), 283–297. doi:10.1016/j.adiac.2014.09.001
- Arena, M. & Azzone, G. 2009. Identifying Organizational Drivers of Internal Audit Effectiveness. *International Journal of Auditing*, 13(1), 43–60.
- Beasley, M. S. 2010. Board and audit committee involvement in risk management oversight (July).
- Beasley, M. S., Clune, R. & Hermanson, D. R. 2005. Enterprise risk management: An empirical analysis of factors associated with the extent of implementation. *Journal of Accounting and Public Policy*, doi:10.1016/j.jaccpubpol.2005.10.001

- Bliss, M. a., Muniandy, B. & Majid, A. 2007. CEO duality, audit committee effectiveness and audit risks. *Managerial Auditing Journal*, 22(7), 716–728. doi:10.1108/02686900710772609
- COSO. 2004a. Enterprise risk management—integrated framework. *British Journal of Management*, 18, 63–77. doi:10.1504/IJISM.2007.013372
- COSO. 2004b. *Enterprise Risk Management – Integrated Framework*. New York,.
- De Zwaan, L., Stewart, J. & Subramaniam, N. 2011. Internal audit involvement in enterprise risk management. *Managerial Auditing Journal*, 26(7), 586–604. doi:10.1108/02686901111151323
- DeZoort, F. T., Hermanson, D. R., Archambeault, D. S. & Reed, S. A. 2002. Audit committee effectiveness: a synthesis of the empirical audit committee literature. *Journal of Accounting Literature*, 21, 38–75.
- Gordon, L. A., Loeb, M. P. & Tseng, C. Y. 2009. Enterprise risk management and firm performance: A contingency perspective. *Journal of Accounting and Public Policy*, 28(4), 301–327. doi:10.1016/j.jaccpubpol.2009.06.006
- Hoyt, R. E. & Liebenberg, A. P. 2011. The Value of Enterprise Risk Management. *The Journal of Risk and Insurance*, 78(4), 795–822. doi:10.1111/j.1539-6975.2011.01413.x
- Jean Bédard, Sonda Marrakchi Chtourou, and L. C. 2004. The Effect of Audit Committee Expertise, Independence, and Activity on Aggressive Earnings Management. *Practice*, 23(2), 13–35.
- Kleffner, A. 2003. The effect of corporate governance on the use of enterprise risk management: Evidence from Canada. *Risk Management and ...*, 6(1), 53–73. Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/1098-1616.00020/full>
- Lai, F. & A.Samad, F. 2011. Enterprise Risk Management Framework and The Empirical Determinants of Its Implementation. *International Conference on Business and economics Research*, 1, 340–344.
- Liebenberg, A. P. & Hoyt, R. E. 2003. The Determinants of Enterprise Risk Management: Evidence From the Appointment of Chief Risk Officers. *Risk Management & Insurance Review*, 6, 37–52. doi:10.1111/1098-1616.00019
- Lin, J. W., Li, J. F. & Yang, J. S. 2006. The effect of audit committee performance on earnings quality. *Managerial Auditing Journal*, 21(9), 921–933. doi:10.1108/02686900610705019

- MCCG. 2017. *MALAYSIAN CODE ON CORPORATE GOVERNANCE*. Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia.
- Naimi Mohamad-Nor, M., Shafie, R. & Wan-Hussin, W. N. 2010. Corporate governance and audit report lag. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance*, 6(2), 57–84.
- Nocco, B. W. & Stulz, R. M. 2006. Enterprise Risk Management: Theory and Practice. *Journal of Applied Corporate Finance*, 18(4), 8–20. doi:10.1111/j.1745-6622.2006.00106.x
- Norlida Abdul Manab, Isahak Kassim & Mohd Rasid Hussin. 2010. Enterprise-Wide Risk Management (EWRM) Practices_Between Corporate Governance Compliance and Value Creation. *International Review of Business Research Papers*, 6(2), 239–252.
- OECD. 2014. *Risk Management and Corporate Governance*. *Corporate Governance*,. doi:10.2139/ssrn.441482
- Paape, L., Scheffe, J. & Snoep, P. 2003. The relationship between the internal audit function and corporate governance in the EU - a survey. *International Journal of Auditing*, 7(October 2002), 247–262. doi:10.1046/j.1099-1123.2003.00073.x
- Prawitt, D. F., Smith, J. L. & Wood, D. A. 2009. Internal Audit Quality and Earnings Management. *The Accounting Review*, 84(4), 1255–1280. doi:10.2308/accr.2009.84.4.1255
- Rochmah Ika, S. & Mohd Ghazali, N. A. 2012. Audit committee effectiveness and timeliness of reporting: Indonesian evidence. *Managerial Auditing Journal*, 27(4), 403–424. doi:10.1108/02686901211217996
- Simkins, B. & Ramirez, S. A. 2008. Enterprise-wide Risk Management and Corporate Governance. *Loy U Chi LJ*, 39, 571–584.
- Sultana, N., Singh, H. & Van der Zahn, J. L. W. M. 2015. Audit Committee Characteristics and Audit Report Lag. *International Journal of Auditing*, 19(2), 72–87. doi:10.1111/ijau.12033
- Thompson, R. M. 2013. A Conceptual Framework of Potential Conflicts with the Role of the Internal Auditor in Enterprise Risk Management. *Accounting and Finance Research*,. doi:10.5430/afr.v2n3p65
- Wan-Hussin, W. N. & Bamahros, H. M. 2013. Do investment in and the sourcing arrangement of the internal audit function affect audit delay? *Journal of Contemporary Accounting and Economics*, 9(1), 19–32. doi:10.1016/j.jcae.2012.08.001

- Yang, J. S. & Krishnan, J. 2005. Audit Committees and Quarterly Earnings Management. *International Journal of Auditing*, 9, 201–219. doi:10.1111/j.1099-1123.2005.00278.x
- Yatim, P. 2009. Audit committee characteristics and risk management of Malaysian listed firms. *Malaysian Accounting Review*, 8, 19–36.
- Yazid, A. S., Hussin, M. R. & Daud, W. N. W. 2011. An Examination of Enterprise Risk Management (ERM) Practices among the Government-Linked Companies (GLCs) in Malaysia. *International Business Research*, 4(4), 94–103. doi:10.5539/ibr.v4n4p94
- Zain, M. M., Subramaniam, N. & Stewart, J. 2006. Internal Auditors' Assessment of their Contribution to Financial Statement Audits: The Relation with Audit Committee and Internal Audit Function Characteristics. *International Journal of Auditing*, 10(1), 1–18. doi:10.1111/j.1099-1123.2006.00306.x